



**PROGRAM MYHERO TANI KEMENTERIAN PERTAHANAN MEMPERKASA
USAHAWAN TANI VETERAN ATM**

1. **TERENGGANU, 13 Jun 2026** – Timbalan Menteri Pertahanan, YB Adly bin Zahari menyempurnakan **Majlis Perasmian Program *MyHero* Tani** di Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) Kampus Besut, Terengganu hari ini.
2. Program *MyHero* Tani adalah sebahagian daripada **Program Veteran Desa MADANI (VDM) yang telah dilaksanakan bermula 12 hingga 13 Jun 2026 di Kota Bharu, Kelantan dan Besut, Terengganu. Program VDM** adalah salah satu inisiatif daripada keseluruhan Program Peduli Veteran MADANI (PVM) yang dilaksanakan oleh Kementerian Pertahanan (MINDEF) melalui Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM (JHEV ATM) sejak Mac 2023, di mana ia menampilkan pengisian yang lebih mesra dengan veteran dan keluarga, termasuk masyarakat setempat. Objektif utama VDM adalah untuk menyediakan sasaran keluarga veteran ATM yang lebih tepat dan khusus kepada golongan veteran asnaf dan di bawah kategori B40 yang memerlukan bantuan sama ada dalam aspek **Kebajikan, Kesihatan, Perumahan, Pendidikan dan Pemerkasaan (empowerment)**.
 - a. **Majlis Pelancaran Program *MyHero* Tani**
 - i. Program *MyHero* Tani adalah inisiatif kerjasama strategik di antara UniSZA dan Yayasan Veteran ATM (YVATM) dalam usaha menggalakkan veteran ATM khususnya yang berada di dalam kumpulan B40 untuk menceburi bidang pertanian moden. Seramai 10 peserta **Fasa 1** yang terdiri daripada veteran ATM Negeri Terengganu terlibat mengusahakan projek tanaman ubi keledak (*Varieti Sweet Vitato*) di atas tanah seluas lima ekar milik UniSZA di Tembila, Besut.
 - ii. Bagi keseluruhan projek, seluas 20 ekar tanah telah diperuntukkan di mana **Fasa 2** dan fasa-fasa seterusnya kelak akan dilaksanakan secara berperingkat mengikut kesediaan peserta yang terlibat. **Sejumlah RM7,000.00 bagi kos seekar tanah** atau **RM35,000.00 keseluruhan perbelanjaan Fasa 1** telah disalurkan oleh Yayasan Veteran ATM (YVATM) kepada UniSZA bagi pelaksanaan projek termasuk penyiapan tanah, infrastruktur ladang, benih dan baja serta penyelidikan dan pembangunan projek.
 - iii. Dalam majlis yang sama, YB Timbalan Menteri Pertahanan turut menyampaikan **sumbangan kebajikan kepada 15 balu veteran ATM** yang terdiri daripada golongan asnaf dan 500 Bakul Rahmah kepada Persatuan Veteran ATM Negeri Terengganu, penduduk kampung di sekitar Daerah Besut serta sekolah-sekolah berhampiran. Selain itu, beliau turut menyerahkan **16 komputer riba kepada anak-anak veteran ATM** yang sedang melanjutkan pelajaran di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA). **Sumbangan tersebut merupakan sebahagian daripada keseluruhan 112 komputer riba yang disumbangkan oleh Etiqa General Takaful Berhad menerusi Program Tanggungjawab Zakat Korporat (CZR) syarikat dengan nilai sumbangan sebanyak RM238,000.**

- iv. Dalam sebuah majlis berasingan, YB Timbalan Menteri Pertahanan berkesempatan mengadakan lawatan kebajikan ke atas anak-anak veteran ATM yatim piatu yang tinggal bersama ibu saudara mereka di Perumahan Gong Tengah, Kuala Besut. Bersimpati dengan nasib yang menimpa lima beradik yang kehilangan kedua-dua ibu bapa mereka pada tahun 2024 akibat sakit kronik, YB Timbalan Menteri Pertahanan turut menghulurkan bantuan kebajikan dan Bantuan Sara Hidup (BSH) bagi meringankan beban yang ditanggung.

b. **Program Veteran Desa MADANI (VDM)**

- i. Terdahulu, YB Timbalan Menteri Pertahanan telah melaksanakan Program VDM di Kota Bharu, Kelantan melalui aktiviti gotong-royong membersihkan kawasan Sekolah Kebangsaan Kampong Sireh, perkarangan Masjid Attaqua dan Masjid Marian Kota Lama serta kerja-kerja pembersihan di dua lokasi tanah perkuburan Islam iaitu di Kampong Kubur Kuda dan Kampong Sireh. Aktiviti ini mempamerkan **komitmen kerjasama tentera – awam (CIMIC) menerusi kolaborasi merentasi agensi melibatkan Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Angkatan Pertahanan Awam (APM) serta mahasiswa daripada UiTM dan Kolej Unitar.**
 - ii. Turut dilaksanakan lawatan kebajikan ke atas veteran ATM Daerah Kota Bharu serta menyampaikan **Bantuan Sara Hidup (BSH), Bantuan Persekolahan dan Bantuan Peralatan Kesihatan** berupa lampin pakai buang dan kerusi roda ke atas veteran ATM yang dilawati. YB Timbalan Menteri Pertahanan turut berkesempatan menghadiri **Program Jualan Rahmah** di Sekolah Kebangsaan Kampong Sireh, meyampaikan sumbangan kebajikan kepada balu veteran ATM dan Bakul Rahmah kepada persatuan veteran ATM setempat serta sumbangan kepada qariah Masjid Kampong Sireh.
3. Mendokong **Teras ke-6 Dasar MADANI** iaitu '**Insan**' serta selaras dengan pembangunan dasar **Malaysia MADANI (Teras Ihsan)**, kementerian akan terus berusaha mengenal pasti sebarang peluang yang boleh memanfaatkan veteran ATM dan tanggungan demi memperkasakan agenda kebajikan golongan ini.
 4. Hadir sama, Ketua Pengarah JHEV ATM; Mejar Jeneral Dato' Haji Semaon bin Haji Marjuki, Naib Canselor UniSZA; Profesor Dato' Dr. Fadzli bin Adam, Panglima 8 Briged; Brigedier Jeneral Hj Mohamad Nizam bin Haji Abdul Manap, Pengarah Jabatan Pertanian Negeri Terengganu; Dr. Sukati bin Sakka, Pengarah Wilayah Pantai Timur Etiqa Insurans dan Takaful Berhad; Encik Muhamad Nurawi Abdul Rashid, Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Diraja Sultan Mizan (YDSM); Dato' Haji Mohd Fadzli bin Yusof, Ketua Pegawai Eksekutif YVATM; Leftenan Kolonel Azwadi bin Jamian (Bersara) dan persatuan-persatuan veteran ATM setempat.

-TAMAT-

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“PERTAHANAN NEGARA, TANGGUNGJAWAB BERSAMA”